

**KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD**

96 JALAN BANGSAR, 59200 KUALA LUMPUR

BIL SURAT KAMI: KOPTNB/2016

1 April 2016

Kepada semua anggota Koperasi TNB,

PER: KEMUDAHAN PEMBIAYAAN YANG DISEDIAKAN KEPADA ANGGOTA KOPERASI TNB**1.0. TUJUAN**

Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai kemudahan-kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi TNB dan anak syarikat (KTNB Travel & Tours Sdn Bhd dan KopTown Hotel) kepada anggota Koperasi TNB.

2.0. PEMBIAYAAN YANG DITAWARKAN KEPADA ANGGOTA

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN	JUMLAH (RM)	KELAYAKAN	TEMPOH ANSURAN MAKSUMUM
1. Takaful Kenderaan dan Cukai Jalan	5,000	<ul style="list-style-type: none">• Maksimum 5 kenderaan• Terbuka untuk kenderaan atas nama anggota dan keluarga	10 bulan
2. Barangan atau Perkhidmatan	15,000	<ul style="list-style-type: none">• Bagi pembelian barangan dan perkhidmatan di Kedai KopTNB, KTNB Travel & Tours Sdn Bhd dan KopTown Hotel• Termasuk juga bagi pembelian barangan dan perkhidmatan melalui pembekal luar yang dilantik oleh Koperasi TNB	6 bulan – 48 bulan (tempoh ansuran tertakluk kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan)
3. Pembiayaan Bai' Al-Inah	35,000	<ul style="list-style-type: none">• Maksimum 9 x Gaji (Gaji Pokok dicampur elaun-elaun tetap bulanan)• Bai' Al-Inah Berjamin – RM35,000<ul style="list-style-type: none">- Minimum 2 orang penjamin (anggota KopTNB)- Mempunyai Yuran 10% daripada jumlah pembiayaan- Laporan CCRIS dari Bank Negara bagi pembiayaan melebihi RM25,000• Bai' Al-Inah Tanpa Berjamin - RM15,000<ul style="list-style-type: none">- Melanggan Etiqa Takaful dengan premium bulanan minimum RM20- Mempunyai Yuran 10% daripada jumlah pembiayaan	84 bulan (Pembiayaan Bai' Al-Inah Berjamin) 48 bulan (Pembiayaan Bai' Al-Inah Tanpa Berjamin)
4. Pembiayaan Bai' Al-Inah Yuran		<ul style="list-style-type: none">• Setakat 90% daripada jumlah Yuran terkumpul	84 bulan

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN	JUMLAH (RM)	KELAYAKAN	TEMPOH ANSURAN MAKSUMUM
5. Pembiayaan Qard	3,000	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai jumlah Yuran <ul style="list-style-type: none"> - Melebihi jumlah pembiayaan yang dipohon; dan - Termasuk 10% ikatan bagi pembiayaan yang telah diluluskan 	12 bulan (pembiayaan RM1,000 – RM2,000) 18 bulan (pembiayaan RM2,001 – RM3,000)
6. Pembiayaan Pelajaran Jubli Perak	10,000	<ul style="list-style-type: none"> Anggota mempunyai anak yang melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS yang diiktiraf 2 orang penjamin (anggota KopTNB) Pengeluaran pembiayaan RM2,000 setahun bagi setiap permohonan yang diluluskan dan tidak melebihi RM10,000 untuk sepanjang tempoh pembiayaan Terhad kepada 5 permohonan setahun mengikut merit dan kriteria aturan 	Ansuran bulanan hendaklah dimulakan pada bulan berikutnya dengan potongan minimum RM150 sebulan
JUMLAH	68,000		

Nota :

- i. Kadar keuntungan bagi pembiayaan No. 1 hingga No. 4 adalah pada kadar rata 5.9% setahun.
- ii. Pembiayaan No. 5 dan No. 6 tidak dikenakan kadar keuntungan.
- iii. Kelulusan adalah tertakluk kepada Terma & Syarat pembiayaan yang berkuatkuasa pada masa permohonan.
- iv. Semua Permohonan Pembiayaan hendaklah dihantar menggunakan Borang Permohonan Pembiayaan dan disertakan dengan dokumen sokongan (contoh: salinan Kad Pengenalan, Borang PDPA, Bil Utiliti dan dokumen-dokumen sokongan lain mengikut jenis pembiayaan yang dipohon) bagi mengelakkan kelewatan pemprosesan.
- v. Borang Permohonan Pembiayaan boleh dimuat turun di www.koptnb.com.

- 2.1. Jumlah keseluruhan kelayakan bagi kesemua pembiayaan di atas adalah sebanyak 15 x gaji tertakluk kepada Debt Service Ratio (DSR) seperti Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara.
- 2.2. Bagi anggota yang berumur 56 tahun dan ke atas, hanya pembiayaan Qard dan Pembiayaan Bai' Al-'Inah Yuran sahaja yang akan dipertimbangkan.

3.0. PENGIRAAN HAD KELAYAKAN PEMBIAYAAN

- 3.1. Kaedah pengiraan kelayakan had 50% (anggota yang bergaji kurang RM2,000) dan had 60% (anggota yang bergaji lebih RM2,000) diguna bagi membolehkan Koperasi melaksanakan penilaian keupayaan peminjam bagi memenuhi obligasi bayaran balik pembiayaan semasa dan di masa hadapan.
- 3.2. Formula Nisbah Pembayaran Balik Hutang (DSR) yang digariskan oleh Bank Negara adalah seperti di bawah:

$$DSR = \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan}}{\text{Pendapatan - Amaun Statutori}} \times 100\%$$

4.0. PEMAKAIAN

Pemakaian pekeliling ini adalah bersekali dengan GP7A: Garis Panduan Pengendalian pemberian Pembiayaan / Pinjaman secara berhemat dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

"Dengan Salam Koperasi"

Yang Benar



MOHD ROSZELI MAJID
Setfausaha

- s.k
- 1) **KEPADA SEMUA KETUA JABATAN**
Mohon jasa baik Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan agar dapat **MEMPAMERKAN** pekeliling ini di papan kenyataan di Jabatan Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk tatapan anggota-anggota Koperasi. Kerjasama yang diberikan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
 - 2) **KEPADA SEMUA PERWAKILAN**
Sila panjangkan pekeliling ini kepada semua anggota Koperasi di kawasan anda.